IYSJL (2021)

INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

# Pelanggaran Prinsip Kerjasama dalam Filem Madu Tiga: Satu Kajian Pragmatik

**Nur Fatihah Mohd Yunan[1], Nurul Jamilah Rosly[1]***
*[1]Kulliyyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*
**E-mel pengarang koresponden: nuruljamilah@iium.edu.my*

**ABSTRAK**

Implikatur adalah penyampaian mesej secara tersirat dengan menggunakan bahasa yang tersurat dan pendengar perlu memproses makna sebenar sesuatu ujaran itu berdasarkan konteks ujaran penutur. Komunikasi yang berkesan semasa perbualan bergantung pada kerjasama antara penutur yang terlibat untuk menghasilkan ujaran yang mudah difahami dan dapat diterima dengan baik. Oleh itu, makalah ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis pelanggaran maksim yang terdapat dalam filem Madu Tiga dan menganalisis makna ujaran yang melanggar maksim berdasarkan dialog watak utama. Kajian ini mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang menggariskan empat maksim perbualan, iaitu maksim kuantiti, kualiti, relevan dan cara. Pendekatan kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan kaedah yang bersesuaian untuk diterapkan dalam kajian ini bagi tujuan pengumpulan data berdasarkan ujaran watak utama dalam tempoh sejam filem yang dikaji. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat 30 jenis pelanggaran maksim yang dapat dikesan dalam ujaran watak Jamil yang melibatkan keempat-empat maksim tersebut. Jenis pelanggaran maksim yang mendominasi ialah maksim kuantiti, iaitu sebanyak 12 maksim bersamaan dengan 40% manakala pelanggaran maksim yang paling kurang dilakukan ialah maksim kualiti sebanyak 4 maksim yang mewakili 13.33%. Kajian ini juga mendapati bahawa ujaran yang dituturkan oleh watak utama dalam filem yang dikaji mempunyai makna yang berbeza dengan apa yang disampaikan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa implikatur sering digunakan dalam perbualan masyarakat, khususnya masyarakat Melayu untuk berlaku sopan supaya sesuatu perkara yang disampaikan tidak mengguris hati pendengar.

*Kata kunci: filem, implikatur, konteks, maksim, Prinsip Kerjasama*

## PENGENALAN

Komunikasi dalam sesebuah kelompok sosial adalah disebabkan wujudnya penggunaan bahasa yang amat penting dalam kehidupan setiap manusia. Pembentukan makna daripada bahasa boleh digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara. Misalnya dalam perbualan, kesinambungan idea atau pandangan antara kedua-dua pihak yang terlibat akan dipengaruhi oleh ketepatan penggunaan bahasa dan makna. Ujaran yang tersirat atau dikenali sebagai implikatur sering digunakan oleh masyarakat Melayu, khususnya untuk menyampaikan sesuatu mesej, hajat atau perasaan. Menurut Yassir Nasanius (2007), implikatur merupakan ujaran yang tidak disampaikan secara langsung oleh penutur. Dalam erti kata lain, ujaran yang ingin disampaikan oleh penutur mempunyai makna tersirat daripada apa yang dikemukakan.

Menurut Norhidayu Hasan (2018), pelanggaran maksim yang berlaku akan menyebabkan wujudnya implikatur dalam perbualan dan penginterpretasian makna sebenar ujaran perlu dianalisis berdasarkan konteks. Pencapaian matlamat komunikasi dan kerjasama peserta perbualan amat penting bagi memastikan sesebuah komunikasi itu berjalan dengan lancar (Wan Azni Wan Mohamad et al, 2019). Salah satu prinsip yang berkaitan dengan adab berkomunikasi ialah Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang menggariskan beberapa maksim yang perlu dipatuhi oleh peserta perbualan untuk membentuk komunikasi yang berkesan. Bagi memastikan maklumat yang disampaikan itu benar, relevan, cukup dan jelas, peserta perbualan perlu bekerjasama untuk mematuhi maksim yang diterangkan dalam prinsip ini. Grice (1975) menasihatkan agar peserta perbualan dapat memberi kerjasama yang bertepatan dengan tujuan percakapan yang sedang berlaku serta perkara yang diperlukan ketika berkomunikasi.

Secara umumnya, bidang pragmatik adalah bidang ilmu yang membuat pengkajian terhadap pentafsiran sesuatu ujaran yang mencakupi penginterpretasian makna implisit atau tersirat, perkataan yang kabur atau taksa dan sebagainya. Jika pendengar dapat menginterpretasi ujaran tersirat yang diujarkan oleh penutur, maka makna sebenar yang dimaksudkan oleh penutur tersebut dapat difahami dan diterima dengan baik oleh pendengar. Bidang pragmatik secara terperincinya mengkaji makna berdasarkan konteks, makna ujaran penutur dan makna yang tidak langsung di sebalik sesuatu ujaran serta makna ujaran yang diinterpretasi oleh pendengar. Tambahan pula, penginterpretasian makna oleh pendengar atau pembaca dalam sesuatu perbualan dikaitkan dengan bidang pragmatik yang mengutamakan tujuan makna berdasarkan konteks situasi kerana ujaran yang dituturkan turut dipengaruhi oleh situasi tertentu. Pragmatik juga merupakan kajian yang meneliti hubungan keakraban antara penutur dan pendengar sehingga mereka mempunyai pemikiran dan pengetahuan yang sama serta pemahaman ujaran tersebut dapat ditentukan.

Menurut Galih Wibisono (2017), bagi melancarkan proses penyampaian maklumat, penutur dan lawan tutur perlu mempunyai kerjasama yang baik dalam berkomunikasi. Namun begitu, kadang-kadang pihak penutur harus melakukan pelanggaran prinsip kerjasama dalam komunikasi supaya tidak menyinggung perasaan pihak lawan tutur. Penyampaian hasrat dan keinginan yang tidak dinyatakan secara langsung sudah menjadi budaya masyarakat Melayu yang bukan sahaja dapat dilihat dalam kehidupan seharian, bahkan budaya ini turut ditonjolkan dalam filem-filem Melayu klasik. Terdapat banyak filem Melayu klasik seperti filem Madu Tiga arahan P. Ramlee yang sengaja dihasilkan dengan mengandungi unsur tuturan yang melanggar maksim kerjasama dalam hampir setiap dialog yang diujarkan oleh para pelakon. Hal ini dilakukan adalah untuk menarik perhatian penonton serta bertujuan untuk menimbulkan unsur lawak dan menghibur penonton. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan berpandukan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis-jenis pelanggaran maksim yang terdapat dalam filem *Madu Tiga* dan menganalisis makna ujaran yang melanggar maksim berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) dalam filem *Madu Tiga*.

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut Bunga Agfariani (2014), dalam sesebuah interaksi, pelanggaran maksim kerjasama sering kali tidak dapat dielakkan. Pelanggaran tersebut juga boleh berlaku apabila penutur atau lawan tutur sengaja atau tidak sengaja melakukannya. Penutur lebih gemar menggunakan ujaran berimplikatur atau yang tersirat berbanding ujaran yang mempunyai makna secara langsung dalam perbualan kerana kadangkala perkara yang ingin disampaikan akan kedengaran tidak sopan atau boleh menyakitkan hati pendengar jika dinyatakan secara langsung. Jika pendengar silap menghuraikan atau mentafsir maksud sesuatu ujaran, maka gangguan penyampaian makna yang betul dan jelas akan berlaku. Rentetan itu, ketidakfahaman dan salah faham akan berlaku yang menyebabkan komunikasi tergendala dan proses penyampaian mesej atau maklumat tidak berjalan dengan lancar.

Desilla (2012) pula menjelaskan bahawa penggunaan ujaran tersirat banyak ditonjolkan dalam ujaran para pelakon dalam filem. Sesebuah filem yang menarik, khususnya dari segi bahasa adalah disebabkan penggunaan implikatur yang mempunyai keunikan dan seni bahasanya yang tersendiri. Di samping itu, penggunaan implikatur juga dapat merangsang pemikiran penonton atau pendengar kerana mereka perlu berfikir dengan lebih mendalam untuk memahami mesej dan pengajaran yang cuba disampaikan dalam filem tersebut. Oleh itu, penonton dapat menerima mesej atau pengajaran yang ingin disampaikan dengan jelas.

Filem Melayu klasik seperti Madu Tiga merupakan sebuah filem yang memaparkan pandangan dan pemikiran serta sikap masyarakat Melayu berdasarkan ilustrasi cerita yang sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat Melayu. Tambahan pula, makna tersirat yang terdapat dalam setiap ujaran dalam filem Melayu klasik ini melambangkan kesantunan dan kehalusan budi bahasa masyarakat Melayu. Sungguhpun begitu, pengkaji tidak menemui kajian yang dilakukan terhadap filem P. Ramlee, iaitu Madu Tiga yang memfokuskan kepada aspek pelanggaran maksim berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Berdasarkan kajian-kajian lepas yang diteliti, pengkaji hanya menemui kajian Mustafa Atan (2010) yang mengkaji implikatur dalam filem P. Ramlee berdasarkan Teori Relevans. Namun begitu, kajian ini dilaksanakan terhadap beberapa buah filem P. Ramlee yang lain tidak termasuk filem Madu Tiga.

Pengkaji juga sukar menemui kajian tempatan yang menumpukan kepada aspek pelanggaran maksim berdasarkan Teori Grice (1975) dalam filem Melayu klasik kerana kajian sebelum ini banyak tertumpu kepada kajian implikatur yang mengetengahkan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Misalnya, kajian Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) yang mengkaji ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing berdasarkan Teori Relevans. Kajian Norhidayu Hasan (2018) yang bertajuk Implikatur dalam Filem Patriotik juga turut dianalisis menggunakan Teori Relevans. Rentetan itu, bertitik tolak daripada permasalahan dan kelompongan tersebut, kajian ini telah menjadi pencetus idea kepada pengkaji untuk melakukan kajian yang akan memberi fokus terhadap ujaran watak yang melanggar maksim kerjasama dalam filem Madu Tiga bagi memperoleh gambaran yang jelas tentang penggunaan maksim dalam ujaran watak dalam filem tersebut. Kajian ini akan mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang menekankan empat maksim perbualan, iaitu maksim kualiti, kuantiti, relevan dan cara.

## TINJAUAN LITERATUR

### Kajian Lepas Berkaitan Teori Grice (1975)

Wan Azni Wan Mohamad et. al. (2019) telah melakukan kajian yang bertajuk Kajian Pelanggaran Prinsip Kerjasama Grice dalam Rancangan Muzikal Lawak Superstar (2019). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis pelanggaran maksim dalam ujaran peserta Muzikal Lawak Superstar (2019). Pendekatan kualitatif dengan menganalisis perbualan persembahan peserta dan pengacara dalam rancangan tersebut merupakan kaedah yang bersesuaian untuk kajian ini. Berdasarkan hasil penelitian, wujudnya pelanggaran prinsip kerjasama dalam keempat-empat maksim, iaitu maksim kualiti, kuantiti, relevan dan cara. Pengkaji berpendapat bahawa kajian pelanggaran prinsip kerjasama dalam filem

juga harus dikaji dan dikupas dengan lebih mendalam kerana pemahaman keseluruhan cerita dan mesej atau pengajaran yang cuba disampaikan oleh pengarang bergantung pada kebolehan penonton menginterpretasi setiap ujaran yang dituturkan oleh para pelakon.

Selain itu, Yusniza Yaakub, Rohizah Halim dan Mashetoh Abdul Mutalib (2017) telah melakukan kajian 'Bekerja Bersama Saya': Implikatur dalam Teks Ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada penggunaan implikatur, pengucap dan persekitaran yang melingkari sesuatu ucapan politik mempunyai perkaitan atau tidak. Teori implikatur Grice (1975) yang dipadankan dengan kerangka implikatur Asmah Haji Omar tentang lakuan bahasa tak langsung telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian kualitatif deskriptif telah diterapkan dalam kajian ini. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa Tun Abdullah menggunakan bahasa yang mengambil kira khalayak dan aspek konteks yang lain seperti budaya Melayu. Jenis-jenis implikatur juga diaplikasikan oleh beliau bersesuaian dengan falsafah kepimpinan beliau yang menjadikan konsep toleransi sebagai amalan. Walau bagaimanapun, kajian yang akan dilakukan ini akan dilaksanakan terhadap filem manakala kajian lepas ini dilaksanakan terhadap teks ucapan.

Seterusnya, kajian Eksploitasi Maksim Grice Lambang Kehalusan Berbahasa Masyarakat Melayu: Analisis dalam Filem Dayang Senandong (1965) oleh Norhidayu Hasan et. al. (2020) dilakukan bertujuan untuk menganalisis ujaran yang terhasil daripada eksploitasi maksim Grice dalam komunikasi masyarakat Melayu dengan menggunakan filem Dayang Senandong sebagai data kajian. Kajian berbentuk kualitatif ini telah menerapkan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis data untuk menganalisis data kajian. Penganalisisan data dalam kajian ini dilakukan berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Teori Relevans (1986). Hasil penyelidikan dapat mengesan kewujudan pengeksploitasian maksim Grice dalam 16 ujaran watak yang diteliti, iaitu maksim kualiti, kuantiti dan cara manakala pengeksploitasian maksim relevan tidak berlaku dalam dialog filem tersebut. Namun begitu, kajian ini menerapkan dua buah teori, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Teori Relevans (1986) manakala kajian yang akan dijalankan ini hanya mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice (1975) sahaja.

Indirawati Zahid (2018) telah melakukan kajian yang bertajuk Analisis Maksim Perbualan Grice dalam Soal Jawab TV3 bagi membincangkan faktor kepatuhan dan ketidakpatuhan maksim perbualan berdasarkan Teori Grice (1975). Kaedah kualitatif yang merangkumi kajian kepustakaan dan analisis teks telah digunakan dalam kajian ini. Komunikasi dalam soal jawab ini melibatkan dua orang moderator dan dua orang pemerhati ekonomi. Hasil analisis menunjukkan bahawa moderator mematuhi keempat-empat maksim perbualan

manakala maksim kuantiti dan maksim cara tidak dipatuhi oleh pemerhati ekonomi. Pengalaman kerja, prosedur penerbitan dan kemahiran berbahasa merupakan antara faktor yang mempengaruhi kepatuhan maksim perbualan oleh moderator. Sifat rancangan yang mempunyai rujukan pula menjadi salah satu faktor kepatuhan maksim perbualan oleh pemerhati ekonomi, iaitu maksim kualiti manakala penggunaan kosa kata seperti inflasi, GST dan BRIM, iaitu tema ekonomi merupakan faktor kepatuhan maksim relevan oleh pemerhati ekonomi. Tindakan pemerhati ekonomi yang melanggar maksim kuantiti dan maksim cara adalah bertujuan untuk pemahaman audiens. Pada pandangan pengkaji, analisis data kajian yang dipersembahkan sangat jelas dan terperinci bagi menunjukkan kepatuhan dan ketidakpatuhan maksim perbualan dan faktor-faktor yang dibincangkan dalam kajian ini.

## Kajian Lepas Berkaitan Filem

Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) dalam kajian Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing memfokuskan kepada dua objektif utama, iaitu mengenal pasti ujaran implisit yang terdapat dalam filem Melayu klasik Sri Mersing dan menganalisis makna ujaran yang implisit menggunakan Teori Relevans. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan konteks dan kesan konteks mampu mendedahkan keperluan memahami penyampaian ujaran dalam lima petikan ujaran dalam filem Sri Mersing yang mengandungi makna implisit. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa bahasa Melayu yang sering digunakan dalam ujaran implisit mampu difahami oleh masyarakat. Pada pandangan pengkaji, kajian ini membuktikan bahawa pengkajian bahasa dalam filem juga mampu untuk diteliti dan diterokai dengan lebih meluas dalam aspek pragmatik yang lain.

Seterusnya, kajian Mustafa Atan (2010) yang bertajuk Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee bertujuan untuk menganalisis implikatur serta fungsi dan keberkesanannya dalam ujaran watak filem Seniman Agung P. Ramlee. Penggunaan Teori Relevans telah diaplikasikan dalam menganalisis kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah pendekatan kualitatif, iaitu kajian pustaka dan analisis data. Berdasarkan hasil penelitian, ujaran watak dalam filem yang dikaji mengandungi makna tersirat. Perkara ini bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu yang menyampaikan hasrat mereka secara tidak langsung dan berkias. Hasil dapatan memaparkan bahawa penggunaan bentuk bahasa yang pelbagai dalam perbualan masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej, metafora, bahasa kiasan, bahasa sindiran dan sebagainya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pemahaman pendengar terhadap mesej yang disampaikan dapat dipastikan melalui penekanan konteks, kesan konteks dan kos memproses maklumat. Filem P. Ramlee telah

berjaya diteliti dalam aspek implikatur dengan penerapan Teori Relevans dan tidak mustahil aspek pelanggaran prinsip kerjasama juga dapat diterokai dalam filem P. Ramlee, iaitu Madu Tiga dengan penerapan Teori Grice (1975).

Selain itu, kajian Implikatur dalam Filem Patriotik telah dilakukan oleh Norhidayu Hasan (2018) yang bertujuan untuk menganalisis makna implikatur dalam filem patriotik berdasarkan Teori Relevans. Kaedah kepustaan dan kaedah analisis teks telah digunakan dalam kajian ini dengan menganalisis sembilan buah filem patriotik, iaitu filem Bravo 5 (2015), Tanda Putera (2013), 1957 Hati Malaya (2007), Paloh (2003), Embun (2002), Leftenan Adnan (2000), Darah Satria (1983), Bukit Kepong (1981) dan Sarjan Hassan (1958). Namun begitu, hanya dialog yang mengandungi implikatur dijadikan sebagai data kajian dan dianalisis berdasarkan Teori Relevans. Hasil penelitian berjaya mengesan penggunaan implikatur dalam dialog filem patriotik berdasarkan ujaran yang melanggar maksim kerjasama. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pentafsiran makna implikatur dapat dibantu oleh penekanan konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Malah, penerapan Teori Relevans juga dapat menunjukkan niat atau tujuan implikatur tersebut. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini hanya perlu memfokuskan kepada satu filem patriotik sahaja.

Kajian bertajuk Ujaran Saling Memahami dalam Filem Nordin Ahmad yang dilakukan oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) bertujuan untuk menganalisis ujaran saling memahami menggunakan pendekatan pragmatik. Sebanyak empat buah filem Melayu klasik, iaitu Lancang Kuning (1962), Seri Mersing (1961), Hang Jebat (1961) dan Semerah Padi (1956) dipilih sebagai korpus kajian. Penyelidikan ini mengaplikasikan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986) dan Teori Lakuan Bahasa (Searle, 1969) dalam menganalisis data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur lakuan bahasa dan bentuk bahasa memainkan peranan penting untuk mewujudkan hubungan saling memahami dalam membantu pendengar memahami ujaran penutur. Pengetahuan ilmu, kognitif seseorang dan lakuan bahasa merupakan faktor bagi mentafsir makna sebenar sesuatu ujaran. Namun begitu, kajian yang akan dilakukan ini hanya memfokuskan kepada satu filem Melayu klasik sahaja, iaitu Madu Tiga dan hanya menggunakan Teori Grice, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975).

Berdasarkan penyelidikan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji tidak menemui kajian implikatur yang dilakukan secara khusus terhadap filem P. Ramlee, iaitu Madu Tiga. Kajian Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee oleh Mustafa Atan (2010) dilakukan terhadap beberapa buah filem P. Ramlee tidak termasuk Madu Tiga dan dianalisis berdasarkan Teori Relevans (1986). Kajian ini juga tidak memfokuskan kepada satu filem sahaja. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa kajian implikatur dalam filem Madu Tiga secara khususnya masih belum dilakukan oleh

pengkaji lain. Oleh itu, kelompongan ini telah memberi ilham kepada pengkaji untuk melakukan kajian implikatur dalam aspek pelanggaran prinsip kerjasama dengan menganalisis makna ujaran dalam filem Madu Tiga dengan lebih meluas dan mendalam berdasarkan Teori Grice (1975).

Selain itu, Wan Azni Wan Mohamad et. al. (2019) telah melakukan kajian yang bertujuan untuk mengkaji pelanggaran prinsip kerjasama dalam rancangan Muzikal Lawak Superstar dengan mengaplikasikan teori yang sama dengan kajian yang akan dilakukan, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975). Namun begitu, kajian daripada Wan Azni Wan Mohamad et. al. (2019) ini dilakukan dalam rancangan realiti hiburan manakala kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji akan dilaksanakan dalam filem Melayu klasik, iaitu Madu Tiga. Kajian implikatur dalam filem juga wajar diteliti dan dianalisis maknanya agar keseluruhan cerita dan penyampaian mesej dapat difahami dengan jelas oleh penonton atau pendengar.

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas yang berkaitan implikatur dalam filem yang diteliti lebih menjurus kepada penggunaan Teori Relevans (1986) berbanding Teori Grice (1975). Misalnya, perbincangan mengenai implikatur dalam kajian Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017), Mustafa Atan (2010), Norhidayu Hasan (2018) dan Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019). Kajian analisis teks dalam filem telah dijalankan dalam kajian-kajian ini dengan menganalisis makna implikatur melalui pendedahan peranan konteks, kesan konteks dan kos proses. Hal ini demikian kerana, aspek-aspek yang ditekankan oleh Teori Relevans dalam pentafsiran makna lebih sesuai digunakan dalam kajian-kajian tersebut. Namun begitu, kajian yang akan dilakukan ini lebih memfokuskan kepada aspek pelanggaran maksim dalam filem Madu Tiga. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa Teori Grice, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975) berdasarkan empat maksim, iaitu kualiti, kuantiti, relevan dan cara adalah bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian ini.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, iaitu analisis kandungan teks dengan membuat penelitian secara terperinci terhadap dialog yang telah ditranskripsi dari filem Madu Tiga. Pengkaji menonton filem ini secara berulang kali bagi mendapatkan data transkripsi yang tepat. Analisis ini dilakukan dengan memahami dan meneliti maksim-maksim yang dilanggar oleh watak utama dalam filem yang dikaji. Bagi mendapatkan maklumat dan data kajian, pengkaji membuat pembacaan mengenai teori dan pendekatan yang berkaitan dengan kajian implikatur melalui kaedah kepustakaan. Seterusnya, maklumat dan data yang diperoleh akan dianalisis dengan lebih terperinci

berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) yang dijadikan sebagai panduan utama penyelidikan ini.

Kemudian, data kajian yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk jadual supaya kelihatan lebih tersusun dan sistematik. Hal ini juga dapat memudahkan pengkaji untuk mengklasifikasikan data-data yang diperoleh mengikut kesesuaiannya. Setelah maksim dikelaskan mengikut jenisnya, pengkaji membuat pengiraan untuk melihat jumlah keseluruhan ujaran bagi setiap maksim yang terdapat dalam filem yang dikaji dan disertakan dengan peratusan. Hal ini memudahkan pengkaji untuk melihat jumlah maksim yang tertinggi dan terendah. Data yang dipersembahkan dalam bentuk jumlah dan peratusan akan kelihatan lebih kemas dan tersusun. Tambahan pula, cara ini akan memudahkan pembaca untuk membaca data-data tersebut tanpa perlu mengulangi pembacaan untuk mengetahui jumlah maksim tersebut.

Akhir sekali, pengkaji menganalisis data dengan menghuraikan makna data tersebut dengan lebih terperinci. Berdasarkan maksim-maksim yang dikategorikan, pengkaji membuat penerangan yang lebih jelas mengenai makna tersirat yang ingin disampaikan serta kesesuaiannya mengikut konteks. Penghuraian ini bukan sahaja akan memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai pelanggaran maksim dalam ujaran watak, malah turut mengaitkannya dengan konteks secara menyeluruh. Hal ini bersesuaian dengan bidang pragmatik yang mengaitkan setiap cabangnya dengan konteks.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Jenis-jenis pelanggaran maksim

| JENIS PELANGGARAN MAKSIM | JUMLAH PELANGGARAN MAKSIM | PERATUS (%) |
|---|---|---|
| **Maksim kualiti** | 4 | 13.33 |
| **Maksim kuantiti** | 12 | 40.00 |
| **Maksim relevan** | 8 | 26.67 |
| **Maksim cara** | 6 | 20.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | 30 | 100 |

## PENGANALISISAN DATA

### Pelanggaran Maksim Kualiti

Jadual 2: Dialog antara Jamil dan Latifah

| MINIT | KONTEKS | KOD | UJARAN |
|---|---|---|---|
| 42:34 | Latifah melawat Jamil di pejabatnya. | K2 | Latifah: *Eh eh. Pasal apa pulak campur dengan madu lebah?*<br>Jamil: ***Doktor suruh. Madu lebah kasi kuatkan badan. Penyakit kaki abang ni pun boleh lekas baik.*** |

Seterusnya, pelanggaran maksim kualiti dapat dilihat pada ujaran Jamil dalam K2 pada minit ke 42:34. Ujaran ini berlaku ketika Latifah melawat Jamil di pejabatnya. Latifah bertanya kepada Jamil sama ada dia ingin makan sup kambing atau sup ayam untuk makan malam nanti. Lalu Jamil menjawab bahawa dia teringin nak makan sup ayam yang dicampur dengan madu lebah. Latifah berasa hairan lalu bertanya kepada Jamil kenapa sup ayam harus dicampur dengan madu lebah. Jamil mengatakan bahawa itu adalah arahan doktor yang merawatnya dengan alasan madu lebah tersebut boleh menguatkan badan sekaligus dapat menyembuhkan kakinya yang sakit. Pelanggaran maksim kualiti yang berlaku jelas dapat dilihat dalam ujaran Jamil ini kerana maklumat yang dinyatakan adalah tidak benar dan dia hanya berbohong. Jamil sebenarnya tidak sakit dan tidak pernah berjumpa dengan doktor. Jamil berkata sedemikian kerana dia tidak ingin Latifah mengesyaki bahawa dia sebenarnya tidak sakit dan hanya memberi alasan supaya dirinya tidak dimarahi oleh Latifah.

### Pelanggaran Maksim Kuantiti

Jadual 3: Dialog antara Jamil dan Tuan Haji

| MINIT | KONTEKS | KOD | DIALOG |
|---|---|---|---|
| 38:53 | Tuan Haji memanggil Jamil untuk masuk ke pejabatnya. | K3 | Tuan Haji: *Ya, bapak panggil. Apa kata isteri muda kau semalam?*<br>Jamil: ***Takda apa bapak. Semuanya selamat.*** |

Dialog dalam K3 yang dituturkan oleh Jamil kepada Tuan Haji pada minit ke 38:53 juga didapati telah melanggar maksim kuantiti. Dapat dilihat dalam jadual di atas bahawa ujaran yang dituturkan oleh Jamil mengandungi maklumat yang melebihi keperluan lawan tuturnya. Selepas kejadian Jamil membohongi isteri

pertamanya, Latifah, Tuan Haji memberi idea kepada Jamil untuk membohongi isteri keduanya pula, iaitu Hasnah. Oleh sebab itu, Tuan Haji memanggil Jamil memasuki bilik pejabatnya untuk bertanya mengenai apa yang dikatakan oleh isteri muda Jamil selepas dia mengikuti idea Tuan Haji. Jamil kemudiannya menjawab, “Takda apa bapak. Semuanya selamat.” Jamil berkata demikian kerana ingin meyakinkan bapa mertuanya bahawa semuanya berjalan dengan lancar dan Hasnah mempercayai kata-kata Jamil. Ujaran “Semuanya selamat” dianggap terlebih informatif bagi menjawab soalan lawan tutur. Jamil seharusnya menjawab, “Tiada apa-apa” sahaja bagi memenuhi kehendak soalan lawan tuturnya.

## Pelanggaran Maksim Relevan

Jadual 4: Dialog antara Jamil dan Hasnah

| MINIT | KONTEKS | KOD | DIALOG |
|---|---|---|---|
| 36:49 | Jamil pulang ke rumah isteri keduanya dalam keadaan mata berbalut. | K4 | Hasnah: *Abang Jamil. Kenapa abang Jamil?*<br>Jamil: ***Adinda, Allah taala telah panjangkan jodoh pertemuan kita adinda. Kalau tidak, kita tak dapat jumpa lagi.*** |

K4 menunjukkan dialog antara Jamil dan Hasnah ketika Jamil pulang ke rumah dalam keadaan mata berbalut. Pada minit ke 36:49, dapat dilihat bahawa ujaran Jamil telah melanggar maksim relevan kerana Jamil tidak bekerjasama untuk memberikan sumbangan maklumat yang memenuhi keperluan soalan lawan tuturnya. Hasnah bertanya mengenai keadaan Jamil tetapi Jamil membalas dengan jawapan yang tidak relevan dengan soalan Hasnah, iaitu “Adinda, Allah taala telah panjangkan jodoh pertemuan kita adinda. Kalau tidak, kita tak dapat jumpa lagi.” Ujaran Jamil yang melanggar maksim relevan ini bermaksud untuk meyakinkan Hasnah supaya percaya bahawa dia betul-betul sakit dan Allah masih panjangkan umurnya untuk bertemu dengan Hasnah lagi. Jamil seharusnya memberikan jawapan yang mempunyai hubungan dengan soalan lawan tuturnya bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran maksim relevan.

## Pelanggaran Maksim Cara

Jadual 5: Dialog antara Jamil dan Rohani

| MINIT | KONTEKS | KOD | DIALOG |
|---|---|---|---|
| 55:05 | Jamil bertanya kepada Rohani mengenai bapanya, iaitu Pak Ali. | K3 | Jamil: *Sakit ke? Dah berapa lama bapak sakit?*<br>Rohani: *Dah 6 bulan encik.*<br>Jamil: ***6 bulan? Kesian kesian. Saya ni manusia lembut hati. Tak boleh tengok orang sakit. Bukan macam dia ni. Saudari, ambil wang ini RM50. Bawak bapak pergi jumpa doktor ya. Ambil ambil. Jangan malu. Hari ini saya tolong saudari. Besok-besok saudari pulak tolong saya.*** |

Dialog dalam K3 merupakan perbualan antara Jamil dan Rohani di rumahnya. Pada minit ke 55:05, ujaran Jamil didapati telah melanggar maksim cara kerana dia mengatakan perkara yang taksa dan tidak jelas, berbelit-belit dan panjang lebar. Perkara ini dapat dilihat apabila Rohani memberitahu bahawa bapanya sudah sakit selama enam bulan tetapi Jamil membalas dengan tuturan yang melanggar maksim cara yang dengan jelasnya dapat dilihat dalam jadual di atas. Ujaran Jamil bermaksud bahawa dia ingin Rohani mengaguminya dengan menunjukkan keprihatinannya terhadap bapa Rohani yang sakit dengan memberi wang untuk bapanya berjumpa dengan doktor. Jamil seharusnya membalas dengan mengatakan perkara yang jelas dan ringkas sahaja jika ingin memberi wang kepada Rohani.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji menemukan kesemua jenis pelanggaran maksim, iaitu kualiti, kuantiti, relevan dan cara dalam ujaran watak utama, iaitu Jamil dalam sejam pertama filem yang dikaji. Berdasarkan penganalisisan data yang dilakukan, pelanggaran maksim kuantiti dilihat mendominasi keempat-empat pelanggaran maksim dalam ujaran watak Jamil dengan jumlah 12 ujaran. Jumlah maksim yang terendah pula ialah jenis pelanggaran maksim kualiti, iaitu sebanyak 4 ujaran.

Melalui penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa pelanggaran maksim yang berlaku dalam ujaran watak Jamil mempunyai makna yang berbeza daripada makna literal yang dituturkan. Oleh itu, ilmu pragmatik merupakan ilmu yang penting untuk dipelajari dan diaplikasikan bagi memahami makna sebenar sesuatu

ujaran itu supaya sesebuah komunikasi dapat berlaku dengan lancar. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa penyelidikan ini telah mencapai kedua-dua objektif kajian sekaligus menjawab persoalan kajian dengan jayanya. Kajian ini juga dilaksanakan bersesuaian dengan Teori Grice (1975) yang mengetengahkan empat maksim kerjasama Grice, iaitu maksim kualiti, kuantiti, relevan dan cara.

## RUJUKAN

Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Ujaran saling memahami dalam filem Nordin Ahmad. *Issues in Language Studies,* 8(1), 162-180.

Galih Wibisono. (2017). Pelanggaran maksim prinsip kerjasama tokoh utama pada filem Liang Zhu *Sampek Engtay*. *Jurnal Cakrawala Mandarin, 1*(2), 57-63.

Iera Nafiesa. (2013). *Pragmatik*. https://www.slideshare.net/mobile/IeraNafiesa/48597223-pragmatik

Indirawati Zahid. (2018). Analisis maksim perbualan Grice dalam Soal Jawab TV3. *Issues in Language Studies, 7*(2), 16-35.

Monaliza Sarbini-Zin & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2019). Pelanggaran maksim kerjasama (kualiti dan kuantiti) dalam ucapan bajet tahunan Dato' Sri Najib Razak: Sebuah kajian pragmatik. *Asian People Journal (APJ), 2* (1), 95-105.

Muhammad Zuhair Zainal & Al-Amin Mydin. (2018). Makna ujaran tak langsung dalam skrip drama bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi. 34*(2): 243-262.

Muhammad Zuhairi Zainal. (2015). *Makna ujaran tak langsung dalam skrip drama terpilih dari sudut pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.

Norhidayu Hasan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Kiasan dalam novel "Cinta Sang Ratu" dari sudut pragmatuk. *Jurnal Kesidang, 2,* 31-44.

Norhidayu Hasan, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuwan Yaakob & Fazilah Husin. (2020). Eksploitasi maksim Grice lambang kehalusan berbahasa masyarakat Melayu: Analisis dalam filem *Dayang Senandung* (1965). *International Journal of the Malay World and Civilisation, 8*(2), 25-39.

Norhidayu Hasan. (2018). *Implikatur dalam filem patriotik*. Universiti Putra Malaysia.

Wan Azni Wan Mohamad, Nur Faraliana Mohd Yusoff, Nor HayatiAbd Ghani & Fauzilah Md Husain. (2019). *Kajian pelanggaran prinsip kerjasama*

*Grice dalam rancangan Muzikal Lawak Superstar 2019*. Universiti Sains Malaysia.

Yusniza Yaakub, Rohizah Halim & Mashetoh Abdul Mutalib. (2017). 'Bekerja Bersama Saya': Implikatur dalam teks ucapan Tun Abdullah Ahmad Badawi. *Journal of Human Development and Communication, 6,* 239-254.